



**KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL SELAYANG**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA (PERKHIDMATAN)

**PERKHIDMATAN PENYEWAAN KEDAI BAHAN BACAAN DAN PENJAGAAN DIRI
DI HOSPITAL SELAYANG KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

**KOD SEBUT HARGA :
HS ADM/910(S)11-04/2026**

**TARIKH BUKA SEBUT HARGA :
02 SEPTEMBER 2026 (RABU)**

**TARIKH LAWATAN TAPAK / TAKLIMAT SEBUT HARGA :
02 SEPTEMBER 2026 (RABU)**

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
09 SEPTEMBER 2026 (RABU)**

**MASA TUTUP SEBUT HARGA:
12.00 TENGAH HARI**

PERINGATAN:

1. **Penyebut harga - penyebut harga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebut harga sebelum mengemukakan tawaran.**
2. **Penyebut harga adalah diwajibkan untuk memastikan dokumen sebut harga adalah lengkap kesemua muka surat dan sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga untuk mendapatkan penjelasan daripada Hospital Selayang.**
3. **Penyebut harga - penyebut harga yang membuat kesilapan dan tidak mematuhi mana-mana arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebut harga ini, tidak akan dipertimbangkan.**



KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL SELAYANG



I. KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA (PERKHIDMATAN)

1. Tawaran sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan berstatus Bumiputera serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia seperti berikut:-

KOD SEBUT HARGA	BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH DIBUKA	TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP
HS ADM/910 (S)11- 04/2026 (SECARA LUAR TALIAN EP)	SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN KEDAI BAHAN BACAAN DAN PENJAGAAN DIRI DI HOSPITAL SELAYANG KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN	221506: 010101: 010102: 010201: 010601: 020402: 020403: 020601: 020603: 020604: 222010:	02 SEPTEMBER 2026 (RABU)	09 SEPTEMBER 2026 (RABU) SEBELUM 12.00 TENGAH HARI
		*SILA BAWA BERSAMA DOKUMEN ASAL DAN SALINAN INI SEMASA MENGHADIRI LAWATAN TAPAK	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK TARIKH : 02 SEPTEMBER 2026 (RABU) MASA : 10.00 AM PENDAFTARAN : 9.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI LOKASI : BILIK MESYUARAT UTAMA, ARAS 3, HOSPITAL SELAYANG *KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN	

2. **Borang Kehadiran Taklimat (Lampiran A)** yang disertakan bersama dokumen sebut harga ini perlu dilengkapi butiran berkaitan dan diserahkan kepada urusetia bertugas untuk pengesahan kehadiran. Bukti kehadiran adalah berdasarkan cop rasmi pengesahan dari hospital ini. Pihak hospital tidak akan bertanggungjawab jika pihak syarikat gagal menyerahkan borang kehadiran semasa sesi taklimat dan kegagalan ini boleh dianggap sebagai tidak menghadiri taklimat. Sebarang rayuan berkenaan perkara ini tidak akan dilayan. **Setiap syarikat hanya dibenarkan menghantar dua (2) orang wakil sahaja.** Kehadiran adalah **DIWAJIBKAN**. Kegagalan untuk menghadiri sesi ini akan menyebabkan tawaran penyebut harga ditolak.
3. Semua tawaran kewangan dan teknikal hendaklah dikemukakan pada tarikh tutup tawaran sebut harga dengan dokumen-dokumen tawaran dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat yang berlainan. Kedua-dua sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul besar dan dikemukakan ke dalam peti sebut harga dengan alamat seperti berikut:-

Pengarah

Hospital Selayang, Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Pengurusan, Unit Pentadbiran
Aras 3, Hospital Selayang, Lebuhraya Selayang-Kepong
68100, Batu Caves, Selangor

KOD SEBUT HARGA : HS ADM/910(S)11-04/2026

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN KEDAI BAHAN BACAAN DAN
PENJAGAAN DIRI DI HOSPITAL SELAYANG KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

sebelum pukul 12.00 tengah hari pada atau sebelum
09 SEPTEMBER 2026 (RABU)

SEBUT HARGA YANG LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

4. Hospital ini tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan borang-borang penyertaan sebut harga akibat daripada kesilapan peti yang dimasukkan atau yang dihantar melalui pos.
5. Iklan sebut harga ini juga boleh dirujuk di laman web Hospital Selayang & Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

6. Hospital Selayang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga.



(DR. AFIDAH BINTI ALI) MD:31597

Pengarah

Hospital Selayang

Tarikh : 20 Ogos 2026